

# Kerajaan masih hadapi masalah ambilalih Nilam Puri

U.S. 13 MAY 1978  
ALOR SETAR 12 Mei

— Kerajaan Pusat masih menghadapi beberapa masalah dalam usaha untuk mengambil alih Pusat Pengajian Tinggi Nilam Puri, di Kelantan, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, menjelaskan hari ini.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, pengambilalih pusat itu bergantung kepada kesediaan pihak pentadbirnya menerima syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Pada masa ini rundingan-rundingan di peringkat pegawai masih lagi dijalankan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi mengenai pengambilalih itu, tambahnya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, kerajaan telahpun bersetuju untuk mengambil alih pusat pengajian tinggi tersebut, tetapi oleh kerana persetujuan mengenai beberapa syarat yang telah ditetapkan belum selesai maka pelaksanaannya belum dapat dibuat hingga sekarang.

Apabila persetujuan dicapai pusat pengajian Nilam Puri itu akan dijadikan sebagai Fakulti Pengajian Islam Universiti Malaya, katanya, kepada para pemberita selepas merasmikan me-

syuarat perwakilan UMNO Bahagian Alor Setar di pusat pelbagai-guna di sini petang ini.

Terdahulu dari itu, ketika merasmikan mesyuarat agung tersebut Datuk Sri Dr. Mahathir menasihatkan wakil-wakil rakyat dan pemimpin-pemimpin UMNO supaya menarik diri sekiranya mendapati mereka tidak dapat lagi memberi perkhidmatan yang berkesan kepada parti dan rakyat.

## Keputusan

Katanya, UMNO adalah mengamalkan sistem demokrasi di mana setiap ahli mestilah menerima keputusan terbanyak yang diputuskan dalam mesyuarat agung UMNO di semua peringkat.

Oleh hal yang demikian, katanya, manamana pemimpin atau wakil rakyat yang berasa mereka tidak lagi sanggup memberikan sepenuh khidmat kepada parti dan rakyat hendaklah meletakkan jawatan masing-masing sebelum mereka ditolak.

Beliau membidas segolongan kecil ahli-ahli UMNO yang mendakwa kononnya mereka kalah yang benar-benar berjuang untuk kepen-

tingan parti walhal perjuangan mereka adalah semata-mata untuk kepentingan diri sendiri.

Orang-orang ini semua bolehlah disifatkan sebagai petualang-petualang politik kerana mereka tidak sanggup menerima sistem demokrasi yang diamalkan oleh UMNO," tegasnya.

Golongan ini sanggup melakukan apa sahaja untuk mencapai hasrat mereka sekiranya mereka tidak mendapat sokongan terbanyak dalam parti, tambahnya.

Beliau lalu menyeru ahli-ahli UMNO supaya berwaspada terhadap golongan seperti ini untuk menjamin keutuhan dan persatuan parti.

Datuk Sri Dr. Mahathir telah menarik diri daripada dicalon semula sebagai Ketua UMNO Bahagian Alor Setar kerana beliau telahpun terpilih sebagai Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu baru-baru ini.